

## PRAKATA

**JURNAL IPBA, JILID 3: BIL. 2**, Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa (IPBA) sekali lagi diterbitkan sebagai kesinambungan untuk meningkatkan profesionalisme dalam kalangan warga pendidik institut. Jurnal pendidikan ini juga berperanan sebagai satu perantaraan ilmiah yang membolehkan pendidik menyebarkan dapatan kajian, idea, pengetahuan dan pengalaman.

Penerbitan **JURNAL IPBA, JILID 3: BIL. 2** mengandungi sepuluh laporan kajian dan empat artikel akademik. Lima daripada laporan tersebut menggunakan kerangka konseptual tesis pada peringkat kedoktoran. Satu laporan kajian merupakan sumbangan seorang pelajar. Antara artikel-artikel yang dimuatkan dalam Jurnal IPBA kali ini, terdapat enam kertas kerja yang telah dibentangkan semasa Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005.

Kajian bertajuk *Visual Response Through the Use of Pie Charts*, oleh Sharmini, menyentuh tentang penggunaan carta pai dalam pelajaran Kesusasteraan Inggeris bagi membantu pelajar membaca dan menghayati kandungan pelajaran. Laporan *Think Science, Speak English: A Study of Selected Year One Primary Teachers' English Oral Fluency in the Teaching of Science*, mengkaji tentang kefasihan Bahasa Inggeris guru-guru Sains Tahun 1 serta kaitannya dengan keyakinan mengajarkan mata pelajaran Sains. Laporan yang dihasilkan oleh Boon Pong Ying dan Wee Kok Leng menyentuh kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk memudahkan refleksi dalam kalangan pelajar KPLI. Laporan Kon Yoon How yang bertajuk *Teaching Efficacy Beliefs of Primary School Teachers in using English to teach Mathematics and Science* pula mengkaji kepercayaan guru-guru sekolah rendah tentang kebolehan mereka menggunakan Bahasa Inggeris untuk mengajarkan mata pelajaran matematik dan sains.

Lee Wan Chun dalam artikel beliau *Levels of Computer Competency Amongst IPBA Staff: A Report*, melaporkan kompetensi komputer kakitangan IPBA. Seman Salleh pula melaporkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sebuah sekolah di kawasan pedalaman. Dalam artikelnya, *Winnowing Short Story Through Scaffolding Among Peers*, Premalatha melaporkan bagaimana menggunakan *scaffolding* dalam pelajaran Kesusasteraan Inggeris untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Tai Nyuk Lian dan Teh Hui Yen pula melaporkan persepsi pelajar B.Ed. (TESL) terhadap pembelajaran bahasa Perancis dan Jepun di IPBA. Tan Aig Bee melaporkan penggunaan latihan-tubi untuk membantu pelajar mengurangkan kesilapan nahu dalam penulisan akademik. Dalam artikel *The Impact of using Net Lingo in Computer-Mediated Communication on Off-Line Writing Tasks*, Kho Chung Wei melaporkan kesan penggunaan bahasa internet atas penulisan pelajar dalam Bahasa Inggeris.

Daripada empat artikel akademik yang lain, dua daripadanya iaitu Kajian-Kajian Interaksi Lisan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran dan *Interaction is the Key to Second Language Learning* adalah berkaitan interaksi semasa pengajaran dan pembelajaran manakala yang ketiga adalah berkaitan amalan reflektif ke arah peningkatan profesionalisme keguruan. Artikel keempat pula adalah berkaitan kepercayaan guru-guru praperkhidmatan tentang kebolehan mereka mengajar.

Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan dan Jawatankuasa Jurnal Penyelidikan IPBA ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pengkaji dan penulis artikel yang telah sudi berkongsi dapatan kajian dan idea-idea dalam jurnal ini. Kami berharap sumbangan mereka dapat merangsang lebih ramai pendidik menghasilkan artikel-artikel akademik agar budaya penyelidikan yang cemerlang dapat dicapai dan dikekalkan.

**JABATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONALISME DAN  
JAWATANKUASA JURNAL PENYELIDIKAN IPBA 2005**